



PELAPORAN
KEJADIAN JANGKITAN INFLUENZA VIRUS, H7N9 DI CHINA

1. Pelaporan kejadian jangkitan influenza virus H7N9 ini dikeluarkan bagi melaporkan tindakan kawalan dan kesiapsagaan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia susulan dari kejadian jangkitan influenza virus H7N9 di negara China.
2. Kes H7N9 mula dilaporkan berlaku di negara China pada 4hb April 2013 yang menyebabkan kematian pada manusia dan punca jangkitan virus adalah disyakki berpunca dari ternakan ayam dan burung dipasar basar di negara tersebut.
3. Walaubagaimanapun tiada kes kematian disebabkan jangkitan H7N9 pada populasi unggas tetapi sebagai langkah kawalan penyakit, pihak China telah memusnahkan sebilangan unggas yang terjangkit yang berjumlah 110,742 ekor sehingga kini. Kes H7N9 ini dikategorikan sebagai tidak berbahaya kepada unggas tetapi berbahaya kepada manusia.
4. Susulan dari kejadian jangkitan influenza H7N9 dinegara China, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah berjaga-jaga dan kesiapsagaan bagi menangani kejadian seumpama dari berlaku di dalam negara.
5. Antara langkah kawalan dan kesiapsagaan yang diambil oleh pihak DVS ialah :



a. *Tindakan kesiapsagaan*

i. *Pembentukan Jawatankuasa Khas*

Jawatankuasa khas seperti dicarta **Strategi Peningkatan Tahap Siapsiaga Terhadap Wabak H7N9** telah dikenalpasti bagi tujuan aliran komunikasi berjalan dengan efektif dan efisyen.

ii. *Kerjasama Antarabangsa*

Penglibatan Pusat Kerjasama Antarabangsa (*Collaborating Center* seperti di Australia, Hong Kong, Jepun, Jerman dan Kanada) dalam bidang Influenza di luar negara bagi memantapkan program surveyan dan pemantauan juga telah berjalan.

iii. *Makmal Veterinar Kawasan dan DVS Negeri*

Semua Makmal Veterinar Kawasan dan DVS Negeri telah diarahkan untuk bersiap sedia dan mempertingkatkan kesiapsagaan bagi menghadapi wabak penyakit ini jika berlaku. Pasukan Tindakan Pantas, Pusat Pengurusan Krisis Ibupejabat, Pusat Operasi Negeri dan Lapangan telah diaktifkan sebagai langkah kesiapsagaan. Terdapat beberapa DVS Negeri yang telah mengaktifkan Pusat Operasi Negeri sebagai langkah kesiapsiagaan menangani wabak Avian Influenza H7N9.

b. *Larangan Pengimportan dari negara berwabak dan negara berisiko.*

Semua jenis burung/unggas hidup termasuk telur dari negara-negara Asia, Mexico dan Afrika Selatan telah dikenakan larangan import berkuatkuasa dari 15hb April 2013. Susulan dari itu, larangan



pengimportan bulu itik dari negara China juga telah dikeluarkan berkuatkuasa dari 18hb April 2013.

Pengimportan produk ayam beku dari negara China digantung mulai 23 April 2013. Konsainmen yang telah mendapat permit import dikenakan tindakan tahan-udi dan lepas (hold-test and release) untuk setiap konsainmen.


c. Survelan dan pemantauan penyakit

Tindakan kawalan lain yang telah dilakukan ialah meningkatkan aktiviti surveyan dan pemantauan disemua premis unggas dan unggas seperti ladang ayam komersil, ladang itik, ayam kampung, burung hijrah, burung liar, pasar basah, *entry point* dan kedai burung. Aktiviti surveyan dan pemantauan ini adalah penerusan dari Program Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan yang sediaada dan dipertingkatkan lagi ke beberapa lokasi dan premis unggas yang berisiko serta pintu-pintu masuk kedalam negara. Semua DVS Negeri telah menggiatkan aktiviti surveyan dan pemantauan penyakit Avian Influenza kesemua premis unggas yang berisiko.

6. Sehingga kini, surveyan dan pemantauan ayam kampung, itik, lain-lain jenis unggas (semua jenis burung liar) dan ayam komersil yang telah dijalankan bagi mengesan virus influenza diseluruh Semenanjung, mendapati tiada virus influenza yang dikesan terutamanya subtip H7N9. Sementara itu, bagi premis-premis unggas lain seperti kedai burung, pasar basah, santuari burung dan pintu masuk, aktiviti surveyan dan pemantauan sedang dijalankan.



Carta 1: Strategi Peningkatan Tahap Siapsiaga Terhadap Wabak H7N9



Disediakan oleh :

Seksyen Epidemiologi dan Survelan
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Putrajaya
www.dvs.gov.my